

STPM Kertas 1 2013:

Soalan 1 Jawapan yang dicadangkan

- a) (i) (1) Tidak mematuhi prinsip pengiktirafan hasil (Realisasi)
(2) Tidak mematuhi prinsip konservatisme (berhemah / “prudence”)
(3) Mematuhi prinsip keobjektifan / prinsip pepadanan
(4) Tidak mematuhi andaian entiti berasingan
- (ii) (1) Mengikut prinsip pengiktirafan hasil, hasil hanya akan diiktiraf apabila terperoleh, iaitu barang niaga atau perkhidmatan telah selesai dihantar / dilaksanakan. Dalam kes ini, barang niaga belum lagi dihantar. Maka, hasil belum lagi terperoleh. Perekodan dalam akaun hasil (jualan) hanya boleh dibuat apabila barang niaga selesai dihantar kepada pelanggan.
- (2) Mengikut prinsip konservatisme, penyedia akaun perlu mengamalkan sikap berhati-hati semasa merekod urus niaga atau peristiwa perniagaan. Ini bererti keuntungan yang belum lagi direalis tidak boleh diiktiraf sehingga keuntungan itu direalis. Manakala, kerugian akan diiktiraf apabila mempunyai kemungkinan yang munasabah bahawa ia akan berlaku. Dalam kes ini, laba atas peningkatan nilai inventori adalah satu keuntungan yang belum lagi direalis dan prinsip konservatisme melarang merekodnya. Peraturan “terendah antara kos atau nilai boleh realis bersih” adalah satu contoh amalan prinsip konservatisme.
- (3) Mengikut prinsip keobjektifan, urus niaga perniagaan harus direkod dengan betul supaya ia memberi satu gambaran yang benar dan saksama. Dalam kes ini, pembayaran untuk belanja sewa secara terdahulu adalah satu aset pada tarikh pembayaran kerana ia belum lagi lupus. Perekodan pembayaran ini yang diberikan menunjukkan keadaan sebenar ini. Sewa bayar dahulu adalah satu aset perniagaan.
- Anda juga boleh menggunakan prinsip pepadanan untuk menjawab bahagian soalan ini. Mengikut prinsip pepadanan, belanja hanya akan diiktiraf apabila digunakan atau terlibat (consumed). Dalam kes ini, pembayaran tidak boleh direkodkan sebagai belanja kerana belum lagi lupus. Belanja yang belum lupus akan dikelaskan sebagai aset (sewa bayar dahulu)*
- (4) Mengikut andaian entiti berasingan, urus niaga peribadi pemilik perlu diasingkan daripada urus niaga perniagaan. Maka, harga belian kenderaan sebanyak RM75,000 adalah urus niaga peribadi pemilik dan tidak boleh diambil kira dalam perolehan kenderaan ini. Bagi perniagaan, perekodan hanya akan dibuat apabila urus niaga itu adalah antara perniagaan dan pemilik. Dalam kes ini, urus niaga ini berlaku semasa pemilik membawa masuk kenderaan sebagai modal tambahan. Pada masa itu, pengukuran nilai kenderaan adalah pada nilai saksama.

(b) (i) Perbezaan antara belanja hasil dan belanja modal:

Belanja hasil merujuk kepada belanja-belanja yang berlaku berulang kali di mana manfaatnya diperoleh dalam satu tempoh. Contoh berdasarkan situasi di sini adalah insurans dan cukai jalan.

Belanja modal pula adalah belanja-belanja yang tidak berlaku secara berulang yang manfaatnya adalah untuk beberapa tempoh perakaunan. Contoh berdasarkan situasi di sini adalah kos van terpakai, iaitu harga belian serta kos mengecat logo syarikat.

(ii) Catatan jurnal:

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
2012		RM	RM
Jan	Kenderaan Bank (Merekod harga dan kos mengecat van terpakai)	36,000	36,000
	Belanja insurans Belanja cukai jalan Bank (Merekod bayaran insurans dan cukai jalan van terpakai)	890 90	980

Nota:

Mengikut panduan penentuan kos perolehan aset bukan semasa, apabila komponen aset mempunyai usia guna yang berbeza dan kosnya boleh diasingkan tanpa proses yang sukar, maka kosnya perlu diasingkan sebagai aset yang lain. Dalam kes ini, kos insurans dan cukai jalan adalah untuk satu tahun dan boleh diasingkan. Oleh yang demikian, direkodkan sebagai belanja hasil. Tatacara ini mematuhi ciri kualitatif perwakilan benar seperti yang dinyatakan dalam Rangka kerja konseptual perakaunan.

(iii) Kaedah garis lurus:

Belanja susut nilai	Susut nilai terkumpul	Nilai bersih
<i>Tahun pertama:</i> (Kos aset – Nilai sisa) / Usia guna aset (36,000 – 6,000) / 5 tahun = RM6,000	RM6,000	= 36,000 – 6,000 = RM30,000
<i>Tahun kedua:</i> RM6,000	= 6,000 + 6,000 = RM12,000	= 36,000 – 12,000 = RM24,000

Kaedah baki berkurangan berganda:

Kadar baki setahun berkurangan berganda:

= Kadar setahun mengikut kaedah garis lurus x 2

= (1 / 5 x 100%) 2 = 40%

Belanja susut nilai	Susut nilai terkumpul	Nilai bersih
<i>Tahun pertama:</i> (Kos aset – SNT) x Kadar (36,000 – 0) x 40% = RM14,400	RM14,400	= 36,000 – 14,400 = RM21,600
<i>Tahun kedua:</i> (36,000 – 14,400) x 40% = RM8,640	= 14,400 + 8,640 = RM23,040	= 36,000 – 23,040 = RM12,960

- (iv) Kesan penggunaan kaedah garis lurus terhadap keuntungan tahunan syarikat adalah keuntungan berkurang dengan amaun yang sama setiap tahun sehingga usia guna aset kerana belanja susut nilai mengikut kaedah ini adalah sama setiap tahun. Kesan penggunaan kaedah baki berkurangan berganda adalah keuntungan tahunan syarikat akan berkurang secara tinggi pada awal usia guna aset dan berkurang secara rendah pada akhir usia guna aset.